

Baik pulih ala kadar

Penduduk mahu jaminan, sesi dialog atasi isu banjir lumpur

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Banjir lumpur kali ketiga menimpa penduduk Kg Sepakat selepas berlakunya hujan berterusan baru-baru ini, menyebabkan penduduk mahukan jaminan serta sesi dialog diatur membabitkan pemaju projek lebuh raya, penduduk dengan beberapa pihak berkaitan.

Seorang penduduk, Aziz Bazid, 60, berkata, langkah pencegahan yang dilaksanakan pemaju tidak memadai dan bersifat ala kadar menimbulkan persoalan tempoh yang perlu ditempuhi penduduk memandangkan projek dijangka berjalan dalam tempoh tiga tahun.

Menurutnya, hasil pemerhatiannya di tapak projek berkenaan mendapati sistem tapisan menggunakan batu sangkar lebih kepada kestabilan tanah projek berbanding aspek keselamatan penduduk tanah rendah.

"Sekurang-kurangnya beberapa batu sangkar perlu ditambah lagi sebagai penampungan untuk menghalang mendapan tanah melalui sungai setiap kali hujan lebat.

"Aliran sungai sedia ada mencukupi pada waktu kebiasaan tetapi apabila hujan lebat, kuantiti air tidak mampu ditampung akibat tarahan bukit daripada projek itu menyebabkan berlakunya limpahan sungai," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Aziz berkata, beberapa penampungan dan tembok pengadang juga perlu dipasang pada beberapa bahagian alur sungai supaya air mengikut



Tadahan konkrit yang dibina bertujuan mengurangkan pergerakan tanah selain sistem saliran air.

aliran yang betul.

"Beberapa bahagian sungai cetek perlu didalamkan dan diletakkan tebing jenis konkrit antara pencegahan yang perlu dibuat menyelesaikan masalah penduduk.

"Penyelesaian jangka pendek ada dibuat iaitu mengorek mendapan setiap kali banjir kilat tetapi diharap supaya kerja tersebut dapat dijalankan secara berkala sekurang-kurangnya seminggu sekali," katanya.

Dalam kejadian yang berlaku Jumaat lalu, dianggarkan lima rumah ditenggelami air sehingga menyebabkan penduduk menanggung

kerugian.

Seorang mangsa, Fatimah Basir, 59, berkata, sebelum ini limpahan sungai hanya melepasi kawasan luar rumah.

"Namun kejadian tempoh hari amat meranjatkan apabila tidak menyedari rumah dimasuki air dan di bahagian dapur, air menderu masuk sewaktu pintu dibuka," katanya.

Fatimah yang menetap selama 29 tahun di kawasan itu berkata, kejadian banjir itu adalah pertama kali berlaku di rumahnya dan berharap permasalahan itu diselesaikan dalam kadar segera.